

Dua Mahathir bertemu lagi

UM - 5/5/2007

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 4 Mei - Biar pun mengalami demam panas, namun Mahathir Mohamad, anak yatim piatu di Pulau Nias, Sumatera, tetap gembira apabila menerima kunjungan idolanya, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kanak-kanak itu yang pernah mendapat liputan akhbar negara ini kerana dipertemukan dengan Dr. Mahathir selepas tragedi tsunami kira-kira dua tahun lalu, meluangkan masa 40 minit bersama bekas Perdana Menteri itu dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Panti Asuhan Al-Wasliyah, Gunung Sitoli, Pulau Nias, semalam.

Difahamkan pada malam sebelumnya, Mahathir, 11, begitu beria-ria apabila mendengar khabar Dr. Mahathir akan datang menemuinya di tempat berkenaan, namun pagi esoknya dia demam.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut menyampaikan sumbangan makanan sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang semalam.

Mahathir diletakkan di ba-

wah jagaan Panti Asuhan itu sejak bayi lagi dan namanya diberikan oleh ketua kampung di tanah kelahirannya sempena nama Dr. Mahathir.

Ini disebabkan ibu bapanya meninggal dunia sebelum sempat mendaftarkan nama bayi mereka.

Bagaimanapun kejadian gempa bumi yang berlaku di Pulau Nias pada April 2005 lalu telah menemukan kedua-dua Mahathir tersebut melalui *Utusan Malaysia* yang mengatur pertemuan itu di Kuala Lumpur.

Terdahulu, pada sebelah pagi di Sumatera, Dr. Mahathir menerima anugerah ijazah doktor kehormat atas sumbangannya terhadap pembangunan sumber manusia daripada Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh.

Anugerah itu bagi menghargai jasa beliau sebagai Bapa Pemodenan Malaysia dan di atas konsep pembangunan ekonomi yang diperkenalkan.

Pada majlis yang diadakan itu, bekas Perdana Menteri turut menyampaikan ucapan dan menyertai beberapa sesi dialog antara universiti itu dengan tokoh-tokoh pendidikan di Malaysia.



DR. MAHATHIR Mohamad melihat Mahathir Mohamad yang terbaring kerana demam panas di Panti Asuhan Al-Wasliyah, Gunung Sitoli, Pulau Nias, Indonesia, kelmarin.

- Gambar ihsan YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA